



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA BILANGAN 1/2025

PUTRAJAYA, 6 Mei – Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) Bil. 1/2025 telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri. Mesyuarat turut disertai oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara serta barisan ahli majlis seramai 14 orang yang terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat.

Mesyuarat telah membincangkan mengenai **kajian isu perpaduan daripada aspek keselamatan yang dibentangkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM)**. Statistik isu 3R yang direkodkan berdasarkan kes yang dibuat laporan polis dari Januari hingga April 2025 adalah sebanyak 44 isu. Dalam mendepani cabaran isu sentimen 3R, mesyuarat bersetuju agar tindakan bersepadu dan kolaborasi inter-agensi digerakkan secara efektif agar isu 3R dapat ditangani secara berkesan. Pendekatan *Alert, Sensitive, Engagement* dan *Control* akan menjadi kaedah utama dalam menangani isu sensitif di negara ini.

YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri menekankan kepentingan menangani isu provokasi dan sentimen perkauman di media sosial dengan tegas dan berkesan. Beliau menyeru agar agensi penguatkuasaan seperti PDRM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan lain-lain bertindak pantas, manakala agensi kerajaan perlu bekerjasama secara menyeluruh bagi memastikan keharmonian dan perpaduan negara terus terpelihara.

Selain itu, Jabatan Latihan Khidmat Negara telah membentangkan mengenai **pelaksanaan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)** melibatkan warganegara berumur 17 hingga 35 tahun dengan

konsep baharu berlandaskan Akta Latihan Khidmat Negara, Kertas Putih Keselamatan, Dasar Perpaduan Negara dan Dasar Komuniti Negara. Kerajaan telah membuat ketetapan agar latihan asas PLKN 3.0 di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Politeknik, dan Institut Pendidikan Guru (IPG) bermula dari pengambilan pelajar bagi sesi akademik 2026/2027. Langkah ini menandakan komitmen kerajaan dalam memperkukuh sistem pendidikan tinggi negara dengan memasukkan elemen latihan asas yang bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan sebelum mereka melangkah ke dunia profesional.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara turut memaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara akan menganjurkan **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa MADANI** pada bulan Jun ini. Persidangan ini dianjurkan dengan matlamat utama untuk mewujudkan suatu wadah wacana kebangsaan yang membincangkan pendekatan, strategi dan dasar ke arah memperkukuh negara bangsa Malaysia yang bersatu padu, progresif dan berteraskan nilai-nilai MADANI.

Kementerian Perpaduan Negara

6 Mei 2025

KPN.100-9/1/16 (32)

